

redaksi

Pengarang Eksekutif
Berita / Rencana / Digital
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Penulis Khas Kanan Ekonomi &
Ehwal Semasa
Saidon Idris

Pengarang Bersektu Mingguan / BH2
Azhar Abu Samah

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Syuhada Choo Abdullah
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Eksekutif Pentadbiran:
Norhayati Yahya

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2724 8999
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan



Penerjun negara, Leong Mun Yee, berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.



Nur Fariha Abdul Razak



Farah Najwa Hamzah

Aktif dalam sukan beri nilai tambah

Oleh **Basir Zahrom**
Meor Ahmad
Nasriin Rizal Ishak
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mahasiswa turut menyuarakan sokongan terhadap cadangan meningkatkan peratusan markah merit kokurikulum, terutama dalam bidang sukan, untuk kemasukan ke universiti awam (UA).

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Nur Fariha Abdul Razak, berkata sukan dapat memberi nilai tambah apabila menamatkan pengajian kelak.

Beliau yang juga pemain bola jaring negara berkata, kini ramai graduan cemerlang akademik tetapi hanya sebilangan kecil

yang mampu mengimbangi kejayaan itu dengan pencapaian sama dalam bidang sukan.

"Ramai senior memberitahu bahawa banyak majikan sekarang gemar mengambil graduan yang walaupun memiliki keputusan akademik sederhana, namun aktif dalam aspek lain seperti pencapaian sukan membanggakan kerana boleh mewakili syarikat sekiranya diperlukan.

Harumkan nama negara

"Ini bermakna memiliki kecemerlangan akademik semata-mata belum mencukupi untuk menjadi mahasiswa holistik. Oleh itu, diharap Kementerian Pendidikan Tinggi dapat memberi lebih kelonggaran kepada pelajar yang cemerlang dalam sukan untuk memasuki UA," katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana

Muda Optometri (dengan Kepujian), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Farah Najwa Hamzah, pula berkata pencapaian akademik bukan kayu ukur mutlak kecemerlangan pelajar, justeru pembabitan dalam bidang sukan dan kokurikulum juga harus dititikberatkan.

Beliau berkata, Malaysia sudah melahirkan ramai atlet mahasiswa yang berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia, seterusnya membuktikan sukan juga berupaya meningkatkan pembangunan dan ekonomi negara.

Kerjaya lumayan

"Malaysia mempunyai infrastruktur dan peralatan sukan yang lengkap serta bermutu tinggi sehingga mampu menjadi tuan rumah temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Sukan SEA.

"Sehubungan itu, pelajar harus memanfaatkan inisiatif dan kemudahan disediakan untuk bergiat lebih aktif dalam bidang sukan yang dapat memberi banyak faedah, termasuk dari segi kecergasan fizikal serta kecerdasan minda," katanya.

Sementara itu mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (dengan Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Izzat Rosli, berkata kepentingan sukan tidak harus dipandang ringan, malah bidang itu boleh dijadikan kerjaya yang memberi pendapatan lumayan.

"Selain itu, kecemerlangan dalam bidang sukan boleh menjadi 'tiket' untuk pelajar mendapatkan tempat di universiti tempatan. Kehadiran atlet di kampus dapat mengharumkan nama universiti itu melalui sukan diceburi," katanya.